

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

BPT 302/3 - Penyakit Tanaman Tropika

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

[BPT 302/3]

1. Kegagalan perusahaan buah jambu batu di Malaysia berpunca di peringkat pengeluaran di lapangan apabila sejenis organisma telah dikesan memparasit akarnya. Namakan organisma tersebut dan huraikan mod serangan, gejala serta kesannya terhadap pertumbuhan jambu batu tersebut.

(20 markah)

2. Insidens penyakit yang tinggi sering dikaitkan dengan keadaan kebun yang bersemak samun. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi insidens penyakit yang tinggi ini yang boleh dikaitkan dengan keadaan kebun yang bersemak samun.

(20 markah)

3. Apakah hubungan penyakit bengkak cerana pada pokok durian dan reput tapak torehan pada pokok getah. Huraikan kedua jenis penyakit ini dan langkah-langkah pengawalannya.

(20 markah)

4. Sebutkan tiga jenis penyakit akar dan organisma yang menyebabkan penyakit itu. Bincangkan mod serangan dan cara pengawalan salah satu daripada penyakit tersebut.

(20 markah)

5. Dengan contoh yang anda pilih, bincangkan sinergisme penyakit yang berlaku terhadap sesuatu tanaman pertanian.

(20 markah)

...3/-

[BPT 302/3]

6. Pada masa ini tidak terdapat penyakit tanaman nangka yang serius. Namun dengan peningkatan kawasan tanaman serta pengamalan tanaman secara monokultur mungkin akan menimbulkan masalah penyakit yang serius di hari muka. Namakan satu penyakit yang berkemungkinan besar akan menyebabkan masalah dalam tanaman nangka, serta ciri-ciri penyakit tersebut. Beri alasan kenapa anda memilih penyakit tersebut.

(20 markah)

- ooo O ooo -